

# UPM sentiasa usaha tingkat kualiti penuntut

UM 17/1/06.

SERDANG 16 Jan. – Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penuntutnya demi memastikan mereka berdaya saing dan kompetitif di peringkat global.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, hasrat itu mampu dicapai melalui usaha dan kegiatan pembelajaran berterusan.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu akan terbantu sekiranya tidak mendapat kerjasama dan komitmen para penuntut serta kakitangan UPM sendiri.

“Usaha-usaha seperti ini amat wajar dipraktikkan demi kebaikan penuntut sebelum mereka menghadapi alam pekerjaan,” katanya.

Beliau berkata demi-

kian sewaktu berucap pada majlis Bersama Naib Canselor dan Ikrar Pelajar Baru Sekolah Pengajian Siswazah semester kedua di UPM, dekat sini hari ini.

Seramai 575 orang terdiri daripada 455 penuntut tempatan dan 120 penuntut luar negara seperti Iran, Sweden dan Jerman mendaftar bagi mengikuti pengajian peringkat kedoktoran dan ijazah sarjana.

Terdapat 92 program pengajian ditawarkan antaranya Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana Alam Sekitar, Ijazah Sarjana Ekonomi, Ijazah Sarjana Kejuruteraan, Ija-

zah Sarjana Pengurusan dan Ijazah Sarjana Pendidikan.

UPM yang kini berusia 75 tahun, mempunyai 16 fakulti dan 4,000 kakitangan serta 29,000 orang penuntut.

Selain itu, kata Nik Mustapha, pihaknya sedang berusaha menjalankan program motivasi di kalangan kakitangan dan penuntut universiti itu bagi membolehkan mereka menghayati visi UPM, sekali gus membantu mencapai objektif universiti itu.

Bagi tujuan itu, kata beliau, pihaknya meletakkan sasaran menjelang 2010, 90 peratus tenaga pengajar universiti itu akan berkeputusan doktor falsafah.

“Bagaimanapun, kita

merasakan kalau mahasiswa dapat memahami dan menghayati misi kita, mereka mampu melakukan banyak aktiviti dan lebih kreatif.

“Ini sesuai dengan hasrat universiti yang mahu penuntut dapat berfikir dan bertindak sebagai pelajar bertaraf antarabangsa,” katanya.